

UNDANG-UNDANG GABUNGAN PERSATUAN KETURUNAN CINA NEGERI SEMBILAN

FASAL 1. NAMA

- (1) Persatuan ini dikenalkan dengan nama Gabungan Persatuan Keturunan Cina Negeri Sembilan. Selepas ini disebut sebagai "Pertubuhan".

FASAL 2. TEMPAT URUSAN

- (1) Alamat surat-menyurat dan tempat urusan Pertubuhan ialah No.97, Tingkat 1, Jalan Temiang, 70200 Seremban, Negeri Sembilan atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa.
- (2) Alamat surat-menyurat dan tempat urusan Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3. TUJUAN / MATLAMAT

- (1) Menubuhkan satu Tabung Dana serbaguna dan mengadakan pelbagai aktiviti amal dan kebajikan.
- (2) Untuk berbincang dan menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli.
- (3) Merapatkan perhubungan ahli persatuan gabungan serta kerjasama untuk kepentingan masing-masing.
- (4) Sebagai salah satu jambatan perhubungan antara kerajaan dengan masyarakat keturunan Cina.
- (5) Untuk memupuk semangat perpaduan keharmonian antara pelbagai kaum serta menukar pendapat atau pandangan (view point) tentang social ekonomi masyarakat.
- (6) Untuk membeli, mamajak, menyewa atau memiliki hartanah untuk kegunaan pertubuhan selaras dengan tujuannya.

FASAL 4. KEAHLIAN

- (1) (a) Semua Persatuan Cina yang berdaftar mengikut Akta Pertubuhan 1966 di Negeri Sembilan dengan syarat Persatuan hanya layak memohon menjadi ahli jika persatuan berkenaan mempunyai ahli keturunan Cina tidak kurang dari 70%.
(b) Jika Persatuan berkenaan jumlah ahli keturunan Cina kurang dari

70% pada sesuatu masa, maka dengan automatic ahli pertubuhan persatuan itu dibatalkan.

- (c) Wakil Rasmi yang dilantik untuk menyertai ahli Jawatan kuasa dan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah berwarganegara keturunan Cina.
- (2) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan menghantar borang permohonan yang lengkap kepada Jawatankuasa dengan secepat mungkin untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- (3) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah membayar yuran seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli.
- (4) Jika sesebuah persatuan gabungan dibubar atau digantung pendaftaran, maka keahlian Pertubuhan automatik dibatalkan.

FASAL 5. BAYARAN YURAN DAN TABUNG

- (1) Bayaran yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:
 - (a) Bayaran masuk : Tiada
 - (b) Yuran : RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja) sekaligus tanpa membayar tahunan.
- (2) Bayaran yuran hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 30 hari selepas permohonan diluluskan.
- (3) Yuran Khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung Ahli-Ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama hutang yuran. Pertubuhan berhak menuntut balik hutangnya.

FASAL 6. PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- (1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli pertubuhan, hendaklah memberi kenyataan yang dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutang-nya (jika ada).
- (2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-

sebab bagi perneccatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

- (3) Jika ahli Persatuan Gabungan ingin menarik diri dari Pertubuhan mesti menghantar surat kepada setiausaha untuk memberikan keterangan tentang sebabnya dan segala Kutipan tidak akan dipulangkan.

FASAL 7. MESYUARAT AGUNG

- (1) Setiap Persatuan Gabungan berhak menghantar seorang (1) wakil rasmi untuk menghadiri Mesyuarat sebelum Mesyuarat Agung diadakan tetapi wakil berkenaan hanya dibenarkan mewakili sebuah Persatuan Gabungan sahaja.
- (2) Nama wakil yang dipilih untuk Mesyuarat Agung hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pertubuhan sebelum mereka hadir.
- (3) Setiap Persatuan Gabungan boleh menukar wakilnya ,jika perlu dengan memberitahu terlebih dahulu kepada Jawatankuasa dalam tempoh 48 jam sebelum Mesyuarat Agung diadakan.
- (4) Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua ($1/2$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir didalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- (5) Jika korum tidak cukup selepas setengah ($1/2$) jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat ,maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada sesuatu tarikh (tidak melebihi daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah ($1/2$) jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidak berkuasa meminda undangundang pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- (6) Mesyuarat Agung Tahunan bagi pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan, tetapi tidak lewat daripada 30hb Jun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa .Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:

- (a) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Pertubuhan di dalam tahun lalu;
 - (b) Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun lalu;
 - (c) Melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk tiga (3) tahun yang akan datang, dan melantik seorang akauntan bertaualiah untuk mengaudit akaun pertubuhan jika perlu.
 - (d) Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
- (7) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan berserta dengan Penyata Kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.
- (8) Mesyuarat Agung Khas bagi Persatuan Persatuan ini boleh diadakan:
- (a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau
 - (b) Atas permintaan beramai-beramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada satu perdua ($1/2$) atau 2 kali ganda ahli AJK daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya, permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha pertubuhan.
- (9) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- (10) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- (11) Fasal 7(4) dan 7(5) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- (12) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan deraf peringatan tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung

Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 8. JAWATANKUASA

- (1) Jawatankuasa merupakan kuasa perancangan dan pelaksanaan tertinggi pertubuhan ini dimana Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih 3 tahun sekali dalam Mesyuarat Agung Tahunan

Pengerusi	- 1 orang
Timbalan Pengerusi	- 1 orang
Naib Pengerusi	- 4 orang
Setiausaha	- 1 orang
Penolong Setiausaha	- 1 orang
Bendahari	- 1 orang
Penolong Bendahari	- 1 orang
Ahli Jawatankuasa Biasa	- 15 orang (11 orang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan, 4 orang dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa termasuk Ketua bahagian pemuda dan Wanita.)

- (2) Pemegang-pemegang Jawatan Pertubuhan ini dan setiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam pertubuhan ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia. Seseorang kakitangan bergaji tidak dibenarkan menjadi Ahli Jawatankuasa Pertubuhan.
- (3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dipilih semula setiap 3 tahun. Pengerusi hanya layak memegang jawatan yang sama selama 2 penggal (iaitu 6 tahun berturut-turut).
- (4) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan

kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.

- (5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 6 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah ($\frac{1}{2}$) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum Mesyuarat.
- (6) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima.
 - (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa; dan
 - (b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
 - (c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan dalam peringatan mesyuarat.
- (7) Ahli Jawatankuasa yang gagal menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan dalam Jawatankuasa.
- (8) Jika seorang ahli jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi tertinggi di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- (9) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh

menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus dan kakitangan kerana cuai dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan. Kakitangan bergaji yang dipenjar 2 bulan dan dengan hukuman melebihi RM2,000.00 (RM Dua ribu) akan hilang jawatannya.

(10) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan perlu dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa seperti berikut.

(a) Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan Ketua-ketua Jawatankuasa kecil hendaklah Ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan.

(b) Tiap-tiap Ahli Jawatankuasa Kecil (termasuk Pemuda dan Wanita) hendaklah ahli-ahli Pertubuhan.

(c) Tiap-tiap Jawatankuasa Kecil (termasuk Pemuda dan Wanita) boleh menetapkan peraturan masing-masing, tetapi harus diterima oleh Jawatankuasa Pertubuhan.

FASAL 9. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

(1) Pengerusi dalam tempoh menyandang jawatannya hendaklah menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat jawatankuasa dan beliau bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Beliau hendaklah menjadi salah seorang pegawai yang menandatangani cek pertubuhan.

(2) Timbalan Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya. Timbalan Pengerusi juga merupakan salah seorang penandatangan cek pertubuhan.

(3) Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi semasa ketiadaannya.

(4) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah mesyuarat agung dan jawatankuasa. Ia bertanggung-jawab mengendalikan urusan surat-menyurat dan menyimpan semua buku rekod, surat dan dokumen kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar keahlian yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah

tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, mengirimkan Penyata Tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.

- (5) Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha menjalankan tugas-tugasnya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha. Penolong Setiausaha juga merupakan salah seorang penandatangan cek Pertubuhan.
- (6) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi dan Bendahari.
- (7) Penolong Bendahari hendaklah membantu Bendahari menjalankan tugas-tugasnya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari. Penolong Bendahari juga merupakan salah seorang penandatangan cek Pertubuhan.
- (8) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 10. KEWANGAN

- (1) Tertakluk kepada Peruntukan-Peruntukan yang berikut dalam undang-undang, wang dana pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang dana itu tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
- (2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM1000.00 (Seribu Ringgit sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa di atas nama pertubuhan.
- (3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dan kira-kira pertubuhan hendaklah ditandatangani oleh 3 orang pernegang akaun bank, iaitu

Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, Setiausaha atau Penolong Setiausaha atau Penolong Setiausaha, Bendahari atau Penolong Bendahari.

- (4) Perbelanjaan yang melebihi RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu sahaja) bagi sesuatu masa hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Pertubuhan dan Perbelanjaan yang melebihi RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu sahaja) bagi sesuatu masa hendaklah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan. Perbelanjaan yang kurang daripada RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu sahaja) boleh diluluskan secara bertulis oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.
- (5) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 12 Undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.
- (6) Tahun Kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir 31hb Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 11. TABUNG DANA

- (1) Untuk mematuhi Fasal 3 (1) maka satu tabung dana serbaguna ditubuhkan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Ahli pentadbir Tabung Dana dipilih dari ahli jawatankuasa semasa.

FASAL 12. JURUAUDIT

- (1) Dua orang yang bukannya pegawai pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama tiga (3) tahun dan boleh dilantik semula.
- (2) Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi mengaudit kira-kira pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 13. PEGAWAI HARTA

- (1) Semua harta tak alih pertubuhan hendaklah didaftar atas nama pertubuhan dan segala suratcara yang berkaitan dengan harta itu adalah sah dan berkuatkuasa apabila disempurnakan oleh Pengerusi, Setiausaha

dan Bendahari yang ada pada masa itu dan perlantikan mereka adalah disahkan oleh suatu perakuan daripada Pendaftar Pertubuhan dan dimeterikan dengan meteri pertubuhan.

- (2) Semua harta tak alih pertubuhan tidak boleh dipindah, dijual, menarik balik atau menukarkan harta kepunyaan pertubuhan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Ahli-ahli.

FASAL 14. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

- (1) Diantara berlangsungannya mesyuarat agung, Jawatankuasa boleh memberi tafsiranya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
- (2) Kecuali perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar Yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.

FASAL 15. PENASIHAT/PENAUNG

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuan secara bertulis.

FASAL 16. PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang tidak boleh diubah atau dipindah kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada Undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan mesyuarat agung . meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan Oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17. LARANGAN

- (1) Permainan judi dan semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib tidak dibenarkan dalam premis pertubuhan.
- (2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau

mengambil peranan di dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.

- (3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- (4) "Faedah" seperti yang diterangkan dibawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada ahli-ahlinya.
- (5) Parti Politik tidak dibenarkan menjadi ahli pertubuhan.
- (6) Penduduk tetap Malaysia tidak dibenarkan melantik sebagai wakil rasmi untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan menjadi ahli Jawatankuasa.
- (7) Pertubuhan tidak dibenarkan menerima sumbangan dari segi kewangan atau faedah lain dari Persatuan luar Negara dan rakyat asing.

FASAL 18. PEMBUBARAN

- (1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada dua pertiga ($\frac{2}{3}$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi yang menghadiri dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.
- (2) Sekiranya pertubuhan hendak dibubarkan secara yang tersebut di atas, maka segala hutang dan tanggungan pertubuhan yang sah mengikut Undang-undang hendaklah dijelaskan, dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung ahli-ahli untuk diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.
- (3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan didalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

FASAL 19. LOGO

- (1) Keterangan mengenai rekabentuk Logo:
 - (a) Logo persatuan berbentuk bulat dan mengandungi 3 bulatan.
 - (b) Bulatan yang pertama terdapat nama persatuan dalam Bahasa Malaysia.
 - (c) Bulatan yang kedua terdapat nama persatuan dalam tulisan Cina dan gambarajah padi yang bermaksud semangat kukuh untuk memimpin Pertubuhan Cina ke arah kejayaan.

- (d) Bulatan yang ketiga terdapat huruf Cina "Hua" yang membawa maksud menyatupadukan masyarakat Cina serta memperjuangkan kepentingan dan kebajikan masyarakat Cina.
- (2) Keterangan mengenai warna:
 - (a) Warna hitam melambangkan keadilan Pertubuhan Cina, menubuhkan tabung dana amal serta membantu golongan yang memerlukan bantuan.
 - (b) Warna merah melambangkan semangat kuat Pertubuhan Cina dengan menganjurkan program-program yang memanfaatkan masyarakat Cina serta menjadi jambatan perhubungan antara masyarakat Cina dan kerajaan.
 - (c) Warna kuning melambangkan kesetiaan kepada Pertubuhan Cina dan tidak melakukan perbuatan yang mengkhianati kepentingan masyarakat Cina.
 - (d) Warna biru melambangkan keberanian, kesabaran, daya kepekaan dan semangat tidak memutus asa.
 - (e) Warna hijau melambangkan keharmonian Pertubuhan Cina yang membawa kebahagiaan dan kemakmuran.

***Pindaan Undang-Undang Kali pertama ini telah diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Sembilan pada 02.08.2012.**